KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	13.02.22	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JPSM			

PROJEK 5 TAHUN BABIT 200 HEKTAR BUAHKAN HASIL

TAPAK LOMBONG KINI MENGHIJAU

Oleh Rafi Mamat
amj@metro.com.my

Pekan

Biarpun pernah berdepan pelbagai kemelut sebelum ini hingga mencetuskan imej sumbang namun dengan usaha gigih agensi berkaitan kini bekas tapak lombong seluas 200 hektar akhirnya dapat dihijaukan semula dengan program penanaman tumbuhan penutup bumi dan pokok balak. Empat jenis tanaman penutup bumi atau pokok kekacang kini digunakan sepenuhnya dalam usaha memulihkan kawasan terbuka dalam kawasan Hutan Simpan Chini di sini. Jenis terbabit ialah Mucuna bracteata (MB), Calopogonium mucunoides (CM), Calopogonium caeruleum (CC) dan Pueraria javanica (PJ) yang banyak digunakan dalam sektor perladangan terutama kelapa sawit.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, pihaknya mula aktif memulihkan kawasan bekas lombong di Hutan Simpan Chini sejak kira-kira lima tahun lalu namun sebelum ini Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sudah melakukan usaha yang sama.

Katanya, selain tanaman penutup bumi jabatan juga turut menanam beberapa spesies pokok balak yang dianggap sesuai tumbuh seterusnya membesar untuk membentuk hutan semula jadi seperti sebelum ini. Menurutnya, spesies pokok balak berusia antara setahun hingga dua tahun yang ditanam di kawasan terpilih dalam Hutan Simpan Chini ialah merawan siput jantan, meranti temak nipis, balau laut dan batai.

"Bukan mudah untuk kita memulihkan kawasan terbabit namun dengan pengalaman luas yang ada usaha berkenaan kini berjalan dengan lancarkan. Hasil sokongan daripada pelbagai pihak usaha yang dilakukan kini semakin menunjukkan hasil memuaskan.

"Peruntukan lebih RM6.45 juta kini digunakan untuk kerja pemulihan dan pemeliharaan Tasik Chini sejak empat tahun lalu dengan harapan kawasan Hutan Simpan Chini dapat kembali hijau dengan tumbuhan," katanya.

Mohd Hizamri berkata, sokongan kerajaan negeri di bawah pimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail yang memperuntukkan sebanyak RM3.95 juta daripada Kumpulan Wang Pembangunan Hutan dan RM2.5 juta menggunakan Kumpulan Wang Pemulihan Lombong bukti betapa serius usaha yang dilakukan.

> "RM6.45 juta digunakan untuk kerja pemulihan Tasik Chini"
> Dr Mohd Hizamri

Menurutnya, kerajaan negeri memantau projek ini dalam memastikan semua perancangan dapat berjalan mengikut jadual seterusnya impian melihat kawasan bekas lombong bijih besi kembali menghijau dengan tanaman pokok penutup bumi termasuk pokok balak.



POKOK balak ditanam sempena kempen penanaman lima juta pokok di Tasik Chini.



KAKITANGAN JPNP menanam pelbagai spesies pokok balak di Hutan Simpan Chini.

Sementara itu, Penolong Pengarah Silvikultur (Zon Pahang Timur 1) JPNP, Nurfazlina Kamarulbahrin berkata, beberapa proses perlu dilakukan sebelum kerja menanam tanaman pokok penutup bumi termasuk pokok balak dapat dilakukan di kawasan bekas lombong. Menurutnya, selain kerja menggemburkan tanah proses meletakkan tanah hitam perlu dilakukan di kawasan yang akan di tanam, ini kerana tanah di kawasan bekas lombong sudah tidak mempunyai kandungan baja organik untuk menyokong pembesaran pokok. Dia yang terbabit memantau projek itu berkata, kaedah yang digunakan itu kini dilihat berhasil dan peratus pertumbuhan dan pembesaran pokok amat memberangsangkan.

"Proses menanam pokok penutup bumi termasuk pokok balak dilakukan secara berperingkat mengikut kawasan yang dikenal pasti, fasa pertama mencapai kejayaan begitu memberanggakan apabila mencapai hampir 100 peratus tanah yang terbuka sebelum ini ditutupi pokok penutup bumi.

"Sokongan yang diberikan tenaga pakar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam berkongsi kepakaran menambahkan kejayaan yang dinasahkan," katanya yang yakin usahakan dilakukan akan mencapai kejayaan diharapkan.

Katanya, rancangan pihak jabatan ialah apabila kesemua kawasan bekas lombong ditumbuhi tumbuhan penutup bumi kerja menanam pokok balak lebih rancak akan dilakukan kerana tahap kesuburan di situ lebih tinggi.

Selain yang turut terbabit dengan program penanaman pesisir pantai negeri ini menambah, hingga kini projek penanaman di Hutan Simpan Chini yang turut membabitkan persekitaran Tasik Chini mencapai 70 peratus selesai di tanam.

Tambahnya lagi, projek berkenaan dijangka siap sepenuhnya pada Mei akan datang, bagaimanapun pemantauan secara berkala tetap akan diteruskan oleh kakitangan JPNP dalam memastikan pokok balak dapat membesar pada tahap memuaskan.

Nurfazlina berkata, minggu lalu pihaknya turut mengadakan kempen penanaman lima juta pokok di Tasik Chini, lebih 3,000 pokok balak dalam kawasan seluas 10 hektar dalam Hutan Simpan Chini yang disertai lebih 150 sukarelawan daripada 28 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan.

Katanya, program dua hari itu berjalan dalam suasana yang ceria dengan pembabitan sukarelawan dan kakitangan JPNP serta agensi berkaitan.

"Penat mendaki bukit untuk menanam pokok balak tidak terasa apabila ia dilakukan secara berpasukan.

"Semua pihak ingin melihat kawasan berbukit di situ yang sebelum ini kelihatan merah berikutan aktiviti melombong bijih besi suatu hari nanti bertukar wajah menjadi hijau dengan tumbuhan penutup bumi dan pokok balak.

